

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP.02/01/10.12/2 (17)
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

25 Mei 2010

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL.6 TAHUN 2010 : DASAR DAN
PROSEDUR PELETAKAN JAWATAN DAN PELEPASAN DENGAN IZIN**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke-39 Bil. 3/2010 yang bermesyuarat pada 3 Mac 2010 telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.23 Tahun 2009 berhubung dasar dan prosedur peletakan jawatan dan pelepasan dengan izin diuruskan dengan teratur, cekap dan seragam kepada staf di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

3. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil.6 Tahun 2010 mengenai Dasar Dan Prosedur Peletakan Jawatan Dan Pelepasan Dengan Izin untuk makluman dan tindakan tuan/puan seterusnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HARYANI BINTI ABDULLAH)
b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k

YH Dato' Naib Canselor

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 6 TAHUN 2010

DASAR DAN PROSEDUR PELETAKAN JAWATAN DAN PELEPASAN DENGAN IZIN

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pengarah Universiti bagi menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.23 Tahun 2009 berhubung dasar dan prosedur peletakan jawatan dan pelepasan dengan izin pegawai supaya pelaksanaannya diuruskan dengan teratur, cekap dan seragam.

LATARBELAKANG

2. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1977 menjelaskan prosedur peletakan jawatan dan kesan penarikan balik notis peletakan jawatan yang telah dikemukakan.
3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1980 telah menjelaskan kaedah menamatkan perkhidmatan pegawai di perkhidmatan sebelumnya sama ada diberi pelepasan dengan izin atau peletakan jawatan bagi membolehkan pegawai berkhidmat di agensi lain dan bagi membolehkan tempoh perkhidmatan pegawai di jawatan asal dimasukkan kira untuk perkiraan faedah persaraan. Sementara itu, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1996 pula menjelaskan pegawai yang sedang bercuti tanpa gaji, tempoh cuti tersebut tidak boleh diambil kira untuk tujuan notis peletakan jawatan.
4. Walaupun terdapat peraturan yang menjelaskan prosedur peletakan jawatan dan pelepasan dengan izin, namun prosedur sedia ada perlu diperkemas, ditambah baik dan diperjelaskan supaya pelaksanaannya lebih seragam, teratur dan menepati peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa.

DASAR PELETAKAN JAWATAN

5. Dasar dan prosedur peletakan jawatan ditetapkan seperti berikut;
 - (a) Peletakan jawatan adalah bertujuan memutuskan perkhidmatan jawatan yang sedang disandang oleh pegawai.
 - (b) Pegawai boleh meletak jawatan dengan mengemukakan notis bertulis kepada Pendaftar melalui Ketua Jabatan mengikut tempoh seperti berikut;
 - (i) 90 hari bagi pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan; atau
 - (ii) 30 hari bagi pegawai yang dalam tempoh percubaan atau pegawai sementara.
 - (c) Pegawai yang tidak memenuhi tempoh notis yang ditetapkan hendaklah membayar sebulan gaji sebagai ganti notis. Gaji bagi maksud ini adalah gaji pokok berdasarkan matagaji dalam struktur gaji, tidak termasuk imbuhan tetap yang terakhir diterima oleh pegawai sebelum meletak jawatan.
 - (d) Pegawai yang sedang bercuti tanpa gaji, tempoh cuti tersebut tidak boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh notis peletakan jawatan.
6. Peletakan jawatan berkuat kuasa pada hari berikutnya selepas tamat tempoh notis yang diberikan atau pada tarikh yang ditetapkan oleh pegawai.
7. Peletakan jawatan yang telah berkuat kuasa tidak boleh ditarik balik. Walau bagaimanapun, peletakan jawatan yang belum berkuat kuasa boleh ditarik balik dengan syarat pegawai mengemukakan notis secara bertulis kepada Pendaftar melalui Ketua Jabatan dan diterima oleh Pendaftar sebelum tarikh kuat kuasa peletakan jawatan.
8. Pegawai yang meletakkan jawatan, sekiranya masih mempunyai tanggungan hutang piutang atau ikatan perjanjian dengan Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikannya.
9. Pegawai perlu meletakkan jawatan dalam keadaan berikut;
 - (a) Pegawai yang tidak lagi berminat dengan perkhidmatan awam;
 - (b) Pegawai yang belum disahkan dalam pekhidmatan yang menerima tawaran untuk mengikuti kursus di mana-mana institusi latihan/pengajian tinggi yang tidak layak dipertimbangkan kemudahan cuti belajar;

- (c) Pegawai lantikan pertama yang belum disahkan dalam perkhidmatan dan menerima tawaran untuk mengikuti kursus pra perkhidmatan; dan
- (d) Pegawai dalam perkhidmatan awam yang tidak diluluskan pelepasan dengan izin oleh Pendaftar apabila dilantik ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain.

DASAR PELEPASAN DENGAN IZIN

10. Syarat dan peraturan bagi pelepasan dengan izin adalah seperti berikut;
 - (a) Pegawai perkhidmatan awam yang dilantik ke jawatan lain dalam perkhidmatan awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, atau sebaliknya, perlu meletak jawatan dan memohon pelepasan dengan izin bagi tujuan perkiraan faedah persaraan.
 - (b) Pertimbangan pelepasan dengan izin adalah tertakluk kepada syarat permohonan pegawai ke jawatan baru dikemukakan kepada Pendaftar melalui dan disokong oleh Ketua Jabatan.
 - (c) Pegawai yang memohon jawatan lain melalui Ketua Jabatan tetapi tidak disokong oleh Ketua Jabatan atau tanpa melalui Ketua Jabatan, pelepasan dengan izin tidak boleh dipertimbangkan dan pegawai perlu meletak jawatan.
 - (d) Tarikh kuat kuasa pelepasan dengan izin adalah mulai tarikh pegawai melaporkan diri bertugas di jawatan baru dan pelepasan dengan izin yang telah berkuat kuasa tidak boleh ditarik balik.
 - (e) Sekiranya pelepasan dengan izin belum dapat dipertimbangkan oleh Pendaftar, pegawai boleh memohon penangguhan tarikh melapor diri bertugas di jawatan baru tertakluk kepada persetujuan Ketua Jabatan baru.
 - (f) Pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), kelulusan pelepasan dengan izin yang diberi tidak boleh digunakan untuk perkiraan faedah persaraan.

TARIKH KUATKUASA

11. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai **1 April 2010**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJJ MUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR
Tarikh :

Edaran Kepada.:

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan

Semua Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Sbi/Pkh/c/pekeliling/PP6_2010